

11 OCT 2002

Mahathir-Gaji/I

DR MAHATHIR TERFIKIR UNTUK GANDAKAN GAJI ANGGOTA KERAJAAN SEMASA KRISIS

Oleh: Mohamed Kamel Othman

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa semasa krisis kewangan serantau dalam tahun-tahun 1997-98 beliau terfikir-fikir untuk menggandakan gaji kakitangan kerajaan.

Kata Perdana Menteri, dengan berbuat demikian, beliau berharap dapat meningkatkan bekalan wang agar sepadan dengan penurunan nilai ringgit.

"Saya bimbang penurunan nilai itu akan menyebabkan keperitan kepada orang biasa. Contohnya, jika penurunan nilai itu sebanyak 50 peratus, saya akan naikan gaji sebanyak 100 peratus, supaya nilai wang itu, dari segi pendapatan, akan mempunyai kuasa membeli yang sama," katanya dalam wawancara yang terkandung dalam sebuah buku yang baru dilancarkan, "Rewriting The Rules: The Malaysian Crisis Management Model". Petikan daripada buku tersebut telah diberikan kepada Bernama hari ini.

Semasa krisis itu memuncak, kerajaan memperkenalkan kawalan modal pada 1 Sept, 1998 dan menetapkan nilai ringgit pada RM3.80 berbanding dolar AS.

Dr Mahathir berkata: "Jika nilai wang turun, harga gula naik sekali ganda. Tetapi jika kita berpendapatan sekali ganda lebih banyak, tidak ada bezanya. Jadi, kita sepadankan penurunan nilai dengan menambah pendapatan rakyat. Tetapi, ini pastinya akan menyebabkan inflasi."

Ia juga akan menimbulkan berbagai-bagai kesan dan keadaan akan menjadi tidak terkawal, katanya.

Dr Mahathir berkata, tempoh yang paling pahit baginya adalah semasa krisis tersebut kerana setiap kali beliau membuka mulut dan menyatakan sesuatu, nilai ringgit jatuh.

Beliau menambah kata, "Orang suruh saya tutup mulut kerana pedagang-pedagang matawang akan menurunkan nilai matawang kita jika saya bercakap. Mereka juga menurunkan nilai matawang negara-negara lain supaya pemimpin negara-negara tersebut mengutuk saya."

"Malah, apabila soalan diajukan kepada Gabenor Bank Indonesia, soalan itu berbentuk perangkap, untuk membuat beliau berkata bahawa (penurunan nilai matawang lain) adalah disebabkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Tapi, beliau enggan berkata begitu. Pada masa itu saya tidak berupaya berbuat apa-apa."

"Tak boleh buat apa-apa dan wang mengalir keluar dari negara ini kerana kadar faedah di Singapura berada pada paras 20 peratus, sedangkan kadar faedah kita hanya 12 peratus, dan orang membawa wang mereka keluar."

Perdana Menteri berkata, beliau merasa tidak berdaya apabila seluruh negara ketika itu "ketandusan" dan langsung tidak ada mudah tunai manakala bank-bank pula begitu cemas.

"Jika saya mengadu kepada IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa), saya tahu saya akan menyerahkan kuasa ekonomi kita."

Di Malaysia, kata Dr Mahathir, ini tidak boleh dilakukan kerana negara ini ada bumiputera dan bukan bumiputera, dan kerajaan telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk memperbetulkan ketidak seimbangan antara kaum bagi mengelakkan rusuhan kaum.

"Jika kita mahu mengadu kepada IMF sekalipun, kita bimbang akibatnya lebih dahsyat. Waktu itu sungguh menyedihkan bila melihat negara semakin merosot. Rakyat kita masih berupaya bekerja, tetapi mereka tidak boleh berfungsi kerana mereka tiada wang dan tidak boleh meminjam."

Dr Mahathir berkata, beliau juga terfikir untuk mengisytiharkan keadaan darurat semasa krisis itu.

Tetapi, perisytiharan itu hanya menghadkan kelebihan, katanya.

"Ini bukan ancaman kepada keselamatan. Ia boleh menjadi ancaman kepada keselamatan jika berlaku rusuhan dan wujud ketidak stabilan. Mujurlah bagi kita, tidak wujud permusuhan antara orang Melayu dan kaum Cina kerana Dasar Ekonomi Baru telah menaikkan taraf orang Melayu dalam ekonomi.

"Jadi, orang Melayu tidak bimbang terhadap orang Cina, mereka hanya bimbang tentang diri sendiri. Tidak berlaku perkelahian atau rusuhan seperti di Indonesia. Di sana, semasa ekonomi meleset, mereka menyalahkan orang Cina kerana mereka tidak menikmati kekayaan. Kekayaan hanya dikaut oleh orang Cina. Tetapi di Malaysia, orang Melayu merasakan bahawa mereka juga telah menerima habuan daripada kekayaan, jadi tidak wujud bahaya tercetusnya rusuhan kaum. Dengan itu, tidak perlu diisytiharkan keadaan darurat."

Dr Mahathir menyatakan bahawa titik perubahan dalam krisis itu adalah ketika pedagang matawang memanipulasi dan menurunkan nilai ringgit sebagai tindak balas kepada apa yang beliau katakan pada Mesyuarat Am Antarabangsa Ke-12 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik di Santiago, Chile pada 30 Sept, 1997.

"Nilai ringgit jatuh serta merta. Mereka (manipulator matawang) menuduh saya dalam majalah Far Eastern Economic Review, dan berkata bahawa saya patut belajar untuk berdiam diri tetapi mengakui bahawa orang-orang ini boleh memanipulasi matawang kita. Perkara yang amat dahsyat ialah apabila kita mula kehilangan kuasa ke atas negara kita sendiri," katanya.

-- BERNAMA

MKO SHY KY OS